

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ [ BACHOK]**

**SOALAN NO. 460**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kajian impak yang dilakukan terhadap keselamatan makanan disebabkan perlaksanaan projek "Penang South Reclamation (PSR)".

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. *Penang South Reclamation* (PSR) merupakan projek pembangunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang melibatkan kerja tebus guna tanah seluas 1,800 hektar bagi membina 3 buah pulau jadian dan dijangka akan mengambil masa antara 30 hingga 50 tahun untuk disiapkan. Kawasan dataran lumpur (*mudflat*) yang akan terjejas dengan projek PSR ini adalah Teluk Tempoyak, Permatang Damar Laut, Sungai Batu, Teluk Kumbar dan Gertak Sanggul dengan anggaran keluasan berjumlah 345.5 hektar.

2. Pada masa ini, jumlah pendaratan perikanan tangkapan marin di Pulau Pinang adalah dianggarkan sebanyak 51,184 tan metrik dengan nilai RM555 juta setahun. Manakala pengeluaran akuakultur ikan marin dianggarkan sebanyak 45,742 tan metrik yang bernilai RM1.67 bilion setahun. Jabatan Perikanan Malaysia secara jelas telah menyatakan bahawa projek PSR akan menjejaskan hasil tangkapan ikan dan pendapatan nelayan disebabkan oleh kemusnahan kekal sumber perikanan di kawasan yang terlibat.

3. Kementerian berpandangan bahawa projek ini perlu mengambilkira laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA), *Social Impact Assessment* (SIA) dan *Fisheries Impact Assessment* (FIA) sebelum dilaksanakan bagi memastikan sumber perikanan dan kebajikan nelayan terpelihara. Kementerian melalui Institut Penyelidikan Perikanan akan menjalankan kajian impak terhadap keselamatan makanan dan kajian taksiran sumber di kawasan yang terlibat bagi mengkaji kesan pelaksanaan PSR sekiranya terdapat keperluan.

Sekian, terima kasih.